



Sebahagian penuntut politeknik yang terlibat dengan khidmat sukarelawan di SK Pangkal Kala, Pasir Mas

Landskap dari bahan terbuang

TUMPAT - Menggunakan bahan terbuang, penuntut politeknik dengan kepakaran hasil pengajian di institut tersebut berjaya membina wakaf dan landskap sempena ‘Program Kita Recycle’ - NBOS KPM: Community Support For School Teacher.

Ia melibatkan penuntut Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, Shah Alam, Politeknik Nilai, Negeri Sembilan dan Politeknik Kota Bharu.

Mereka berkampung di Sekolah Kebangsaan (SK) Pangkal Kala, Pasir Mas dan SK Kebakat, Tumpat, yang menjadi projek rintis National Blue Ocean Strategy (NBOS) bersama Kementerian Pendidikan (KPM).

Pengarah politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, Shah Alam, Kolonel Bersekutu (PA) Tajuddin Abdul Rashid berkata, seramai 60 penuntut dari tiga politeknik tersebut berkampung tujuh hari di dua sekolah itu untuk menyiapkan wakaf, landskap, dan kerusi yang dibina serta dibaik pulih menggunakan bahan terbuang.

“Projek NBOS ini bukan asing bagi mereka kerana mereka sentiasa terlibat dengan kerja sukarelawan.

"Program ini beri peluang kepada penuntut politeknik menimba pengalaman dari segi teori dan amali. Apabila ke lapangan, mereka buat kerja sebenar dan memperkasakan lagi ilmu yang mereka belajar," katanya.

Beliau berkata demikian di SK Pangkal Kala, Pasir Mas sempena NBOS membina Wakaf dari bahan terbuang di sekolah itu.



Tajuddin (kiri) diiringi Mohd Azman (dua kanan) melihat kerusi hasil inovasi penuntut politeknik.

Turut bersama, Guru Besar SK Pangkal Kala, Mohd Azman Husain.

Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, Shah Alam juga turut terlibat dengan dua lagi khidmat sosial korporat apabila kepakaran penuntutnya diperlukan untuk menjayakan program Cabinet Carry Away (Touch point) Unit Penyelarasian Pelaksanaan (ICU) dan program Baiti Jannati membina rumah dengan Tenaga Nasional Berhad (TNB).

Bagi Mohd Azman, satu rahmat baginya apabila SK Pangkal Kala terpilih melaksanakan Program Kita Recycle' - NBOS KPM: Community Support For School Teacher.

"Tak sangka, wakaf yang dibina menggunakan bahan terbuang seperti kayu terpakai, besi boleh menjadi cantik dan tentunya memberi manfaat kepada murid sekolah ini," katanya.

Sementara itu di SK Kebakat, Ketua Setiausaha Kementerian Pendidikan, Datuk Sri Alias Ahmad hadir merasmikan pelancaran NBOS KPM 'Program Kita Recycle' Peringkat Negeri Kelantan.

Beliau turut melawat tapak program Kita Recycle apabila barang-barang terpakai dibaik pulih oleh penuntut dari tiga buah politeknik berkenaan.



Alias pada majlis pelancaran NBOS KPM 'Program Kita Recycle di SK Kebakat, Tumpat cuba menyiapkan kerusi hasil kerja tangan penuntut politeknik.

Guru Besar SK Kebakat, Mohamad Razali Omar berkata, pendekatan NBOS memperkenalkan Community Support For School Teacher melibatkan komuniti bersama dengan pengurusan sekolah menjadikan sekolah ini lebih ceria dan menarik.

"Terima kasih kepada penuntut politeknik yang beri sumbangan tenaga. Dengan kepakaran mereka, sekolah ini lebih ceria dengan landskap," katanya.